

# AS boleh kurangkan kemusnahan menerusi serangan darat — PM

UM 17 NOV 2001

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Amerika Syarikat (AS) perlu menghentikan serangan udara ke atas Afghanistan sebaliknya melancarkan serangan darat dalam peperangannya dengan kerajaan Taliban.

Perdana Menteri berpendapat serangan darat akan mengurangkan kadar kemusnahan yang melibatkan harta dan nyawa orang awam kerana sasaran sebenar lebih mudah dikenal pasti dengan tepat.

“Saya berpendapat serangan yang patut dihentikan ialah menebantar bom dari jauh sebaliknya kalau hendak berlawan dengan Taliban kena melalui pasukan darat sama ada Pakatan Utara atau mana-mana pihak.

“Ini kerana serangan darat dapat mengurangkan kesan kerosakan dan lebih mudah tahu di mana sasarannya,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Mengenai Keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada telah menghubungi Presiden George W. Bush mengenai perkembangan terbaru di Kabul memberitahu beliau baru sahaja menulis surat kepada Presiden AS itu bagi menerangkan betapa pentingnya serangan ke atas Afghanistan dihentikan.

Mengulas penawanan ibu kota Kabul oleh tentera Perikatan Utara, Dr. Mahathir berharap perkembangan itu dapat menamatkan perang lebih awal.

Bagaimanapun, Perdana Men-

teri Mahathir tidak dapat meyakinkan jika AS masih meneruskan pengeboman ke atas Kabul.

“Saya fikir ada harapan (untuk menamatkan perang) kerana Perikatan Utara kini telah menguasai bandar ibu negara itu. Saya harap dan berdoa mereka akan berjaya,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai laporan akhbar *The Nation* di Bangkok pada 12 November lalu, yang mengaitkan beliau dengan keputusan rejim Myanmar memecat tujuh orang jeneralnya daripada pentadbiran kerajaan, Perdana Menteri menyangkal dakwaan tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia bekerjasama dengan kerajaan Myanmar dalam proses pendemokrasian negara itu.

“Mereka tidak tahu caranya dan bertanya kepada kita, kita tunjukkan cara-caranya,” kata beliau.

Justeru Perdana Menteri menegaskan dakwaan yang beliau terlibat mendesak penyingkiran jeneral terbabit semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Brunei baru-baru ini, adalah tuduhan yang tidak berasas sama sekali.

Ditanya mengenai permohonan kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN), beliau mengesahkan perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN kemungkinan dalam bulan puasa ini.

Beliau bagaimanapun tidak dapat mengesahkan sama ada PBS akan menyertai BN sebelum Hari Raya Puasa.